

29/10/2002

Syor pendidikan percukaian dijadikan kurikulum sekolah

PUTRAJAYA, Isnin - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan mencadangkan kepada kerajaan supaya pendidikan percukaian dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah dalam usaha mencetuskan sikap positif terutama di kalangan generasi muda untuk bersama-sama membangunkan negara menerusi pembayaran cukai.

Ketua Eksekutif/Ketua Pengarahnya, Datuk Zainol Abidin Abd Rashid, berkata pendidikan percukaian dapat membantu membentuk generasi muda agar sentiasa berpegang kepada prinsip membayar cukai adalah tanggungjawab sosial yang perlu dilakukan dengan ikhlas dan bukan paksaan.

Bagaimanapun, katanya pengenalan subjek itu masih dalam peringkat perancangan dan pihak LHDN masih belum menghantar kertas kerja kepada Kementerian Pendidikan untuk melaksanakannya.

Beliau berkata, program perintis pelaksanaannya, sama ada di peringkat sekolah rendah atau menengah juga masih belum ditetapkan.

"Kami sedar untuk memperkenalkan pendidikan percukaian sebagai kurikulum sekolah perlu melalui pelbagai prosedur yang ditetapkan oleh kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan, oleh itu kertas kerja yang lengkap dan disokong oleh fakta yang tepat berkaitan pengenalannya perlu disediakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis penyampaian hadiah pertandingan mengarang esei antara sekolah peringkat kebangsaan di Dewan Serbaguna, Kompleks Kementerian Kewangan, di sini, hari ini. Majlis penyampaian anugerah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempat meluangkan masa untuk bergambar kenangan dengan pemenang, guru pengiring dan jawatankuasa penganjur pertandingan anjuran LHDN dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Berita Harian Sdn Bhd itu.

Pertandingan itu terbahagi kepada tiga kategori, bagi kategori Tingkatan Enam tempat pertama diraih oleh Hazalina Hashim, 18, dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Abdul Jalil, Kluang, Johor menerusi esei yang bertajuk 'Cara-cara meningkatkan kesedaran rakyat tentang pembangunan cukai'.

Bagi kategori tingkatan empat dan lima, pelajar SMK Putra, Jerneh, Terengganu, Nor Asfarina Abdul Majid, 16, menduduki tempat pertama menerusi esainya yang bertajuk 'Kesan cukai pendapatan terhadap kehidupan masyarakat'.

Sementara itu, kategori sekolah rendah tahap dua diungguli oleh esei bertajuk 'Pentingnya cukai pendapatan terhadap negara', tulisan Sofhatun Nur Subhi, 12 dari Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Country Homes, Rawang, Selangor merangkul tempat pertama.

Bagi kategori tingkatan enam serta tingkatan empat dan lima, pemenang pertama menerima hadiah wang tunai RM1,000 dan sijil penyertaan serta sekolah rendah tahap dua menerima RM500 dan sijil penyertaan manakala sekolah pelajar terbabit menerima tiga set komputer lengkap dengan pencetak dan aksesori lain.

Pertandingan itu diadili oleh tiga hakim iaitu Ketua Bahagian Pengembangan Bahasa Sektor Awam, Dewan Bahasa dan Pustaka (DPB), Zaiton Ab Rahman; Penolong Pengarah Hal-Ehwal Pelajar, Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan, Abu Bakar Surin; dan Pengarah Bahagian Khidmat Korporat LHDN, Abd Rahim Abdullah.

